

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 22 Jamadilakhir 1439/10 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam. **(tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB.,

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu bagi hari yang kelima hari Sabtu, 22 Jamadilakhir 1439 bersamaan

10 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya jua maka kita dapat pada pagi ini bersama-sama lagi berkumpul hadir bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad S.A.W kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kita ini telah memasuki hari kelima. Masa berlalu begitu cepat sekali manakala di hadapan kita masih banyak lagi perkara yang perlu kita selesaikan, terutama sekali Rang Undang-Undang Belanjawan Negara.

Sehingga ke hari ini dalam membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis, kita telah menyelesaikan sebanyak 6 Soalan Yang Diberi Notis yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dijawab

secara lisan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, sebelum kita meneruskan untuk menyambung semula mendengarkan dan meneliti jawapan-jawapan yang akan diberikan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri suka untuk memberikan kenyataan tambahan terhadap satu soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad berkenaan dengan revolusi perindustrian pusingan keempat. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dalam Negeri:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua berdiri di sini selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) untuk memberikan penjelasan tambahan kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai antara lainnya jika terdapat sebarang dasar mengenai *e-payment* dan *crypto currencies* selaras dengan industri *revolution*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Salah satu visi dalam AMBD *Financial Sector Blueprint* ia untuk Brunei menerima lebih banyak pembayaran elektronik dan pada masa yang sama

untuk mengurangkan pembayaran menggunakan kertas seperti cek dan wang tunai.

Adalah penting dalam pasaran yang kecil di negara ini bahawa semua jenis pembayaran elektronik dari mana-mana bank pengendali rangkaian mudah alih atau pihak ketiga boleh saling beroperasi antara satu dengan yang lain.

AMBD telah membuat kajian dan mengumpul maklumat bagi mendukung inisiatif ini. Hasil daripada kajian ini, ia akan membantu AMBD untuk mengenal pasti strategi yang terbaik bagi pasaran kecil seperti di negara ini.

Dengan adanya inisiatif ini AMBD berharap ia boleh meningkatkan penggunaan pembayaran elektronik dan implementasi ini akan membabitkan pihak-pihak yang berkepentingan seperti syarikat-syarikat *FanTec*, syarikat telekomunikasi dan bank-bank.

Sebagaimana yang pernah AMBD maklumkan kepada orang ramai sebelum ini, mata wang *crypto* atau *crypto currencies* tidak sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam dan tidak dikawal selia oleh AMBD.

Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaannya, berkemungkinan merupakan aktiviti-aktiviti yang dikawal selia di bawah undang-undang AMBD. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan perkhidmatan kewangan kepada orang awam dalam bentuk pengambilan

deposit, peluasan pinjaman, penghantaran dana keluar negeri, perkhidmatan pertukaran asing dan penerbitan sekuriti.

Individu atau syarikat yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti komersial yang berkaitan dengan mata wang *crypto* dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat undang-undang daripada peguam-peguam sama ada aktiviti tersebut termasuk dalam perundangan di bawah bidang kuasa AMBD.

AMBD juga ingin menekankan bahawa orang awam perlu berhati-hati apabila berurusan dengan mata wang *crypto* dan memahami risiko yang berkaitan dengannya. Melindungi kepentingan awam dan integriti sistem kewangan Negara Brunei Darussalam tetap menjadi keutamaan AMBD.

AMBD dalam kapasiti sebagai agensi pengawal selia dan pembangunan akan terus memantau perkembangan isu mata wang *crypto* dan akan terus mengimbangi keperluan negara untuk memupuk inovasi dalam bidang ini dengan perlindungan orang ramai. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas jawapan yang telah diberikan. Saya penuh berharap bahawa sebagai orang lama AMBD tidak akan meniadakan penggunaan cek sebab saya sendiri sedang berjinak-jinak mengenai *internet banking* ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya juga telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama suka untuk mengambil kesempatan ini untuk memberikan jawapannya terhadap Soalan-Soalan Yang Diberi Notis iaitu Soalan No. 5 dan 6 daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, yang telah pun kita tangguhkan untuk dijawab pada persidangan yang akan datang. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan No. 5 dan 6 daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, yang telah kaola mohon ditangguhkan jawapan pada persidangan yang lalu ialah berhubung dengan perkembangan ataupun fasa perkembangan pelaksanaan Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013, dan seterusnya soalan berikut ialah berhubung dengan persekolahan Arab iaitu ada dua soalan mengenai persekolahan Arab yang berhubung dengan memperkesakan Bahasa Arab dan kedua berhubung dengan adakah Sekolah Arab menyediakan penuntut-penuntutnya untuk masuk ke dalam pasaran kerja sebagaimana rakan-rakan mereka di sekolah-sekolah yang lain?

Kaola memohon untuk menjawab soalan kedua lebih dahulu dengan mengkemudiankan jawapan kepada soalan berhubung dengan Perintah Kanun Jenayah Syariah. Terima kasih.

- i. Soalan berhubung dengan pengemaskinian Bahasa Arab atau untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab, kerana perkara ini penting, sekolah tersebut itu adalah aliran Arab dan pelajaran agama. Untuk memperkesankannya itu, kementerian ingin menyatakan bahawa beberapa langkah ataupun program bagi meningkatkan keberkesanan penguasaan Bahasa Arab telah pun diungkayahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam yang koala dapat sebutkan di sini ialah:
- i. Mengemaskinikan kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab Sanah 5 hingga Sanah 8, secara menyeluruh dengan memberikan penekanan kepada kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar;
- ii. Meningkatkan kompetensi guru, ini yang penting, melalui seminar pendidikan Bahasa Arab bagi semua tenaga pengajar mata pelajaran Bahasa Arab di persekolahan agama dan Arab termasuklah mengikuti kursus-kursus yang diadakan iaitu pengajaran Bahasa Arab selama 10 minggu anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).;
- iii. Selain itu, ialah beberapa inisiatif yang berbentuk aktiviti kokurikulum bagi pelajar-pelajar
- iaitu melalui beberapa program yang telah diadakan seperti:
- Program "Hayya bil Arabiah", yang menggalakkan penggunaan Bahasa Arab seperti kuiz, perbualan, lakonan yang mengikut situasi dan apa jua keadaan pun dan bicara berirama;
 - Selain itu, ialah Program Debat Bahasa Arab peringkat menengah, sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran, ini dipergiatkan;
 - Selain itu lagi, ialah mengadakan Peraduan "Masrahiyah Arabiah" iaitu drama dalam Bahasa Arab di peringkat sekolah-sekolah Arab dan Agama di seluruh negara;
 - Syarahan mingguan dalam Bahasa Arab semasa dalam perbarisan pagi diadakan di sekolah-sekolah Arab dan Hari Bahasa Arab; dan
 - Seterusnya ialah Kelab Bahasa Arab serta Program Kemahiran Komunikasi (Kem-Kom);
- iv. Meningkatkan lagi keberkesanan sistem penerapan pengajaran guru-guru Bahasa Arab bagi mencapai tahap kualiti pengajaran guru-guru Bahasa Arab sekurang-kurangnya pada tahap 3 dalam *Teachers' Performance Appraisal (TPA)*

- berdasarkan *Brunei Teachers Standard (BTS)* dan seterusnya akan dapat meningkatkan jumlah pencapaian yang telah pun diperolehi pada masa ini 65.23%.; dan
- v. Selain itu, pihak Jabatan Pengajian Islam dan Kumpulan Pengurusan Sekolah (*School Management Team*) secara berterusan melaksanakan pemantauan pengajaran Bahasa Arab kepada guru-guru Bahasa Arab.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Masalah penggunaan Bahasa Arab di sekolah-Sekolah Arab itu, walaupun bahasa perantaraan bagi persekolahan Arab tetapi ia bukanlah suatu bahasa yang sering digunakan di negara ini, berbeza dengan bahasa-bahasa lain terutama sekali Bahasa Inggeris, apabila ia diajarkan dalam sekolah-sekolah, bahkan mata-mata pelajaran melalui *medium* Bahasa Inggeris itu, bahasa itu digunakan sampai ke rumah dan di mana-mana, ia digunakan oleh orang awam, berbeza dengan Bahasa Arab.

Inilah satu cabaran untuk difikirkan oleh ahli pendidikan mengatasinya ataupun mengemukakan *formula-formula* bagaimana penggunaan Bahasa Arab itu dapat digunakan di negeri yang bukan berbahasa Arab seperti kita ini secara berkesan.

Berhubung dengan Sekolah Arab ini, Yang Berhormat Awang Haji Abdul

Wahab bin Apong, wakil dari Daerah Tutong, ingin mengetahui adakah Sekolah Arab juga menerapkan keperluan-keperluan dalam bidang menyediakan kemahiran teknikal, kewangan, keusahawanan dan seumpamanya bagi penuntut-penuntut Sekolah Arab supaya dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pasaran?

Kementerian ingin menjelaskan bahawa kokurikulum sekolah Arab tidak hanya memberikan tumpuan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan keagamaan semata-mata, dan kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat mengingat bahawa sekolah Arab itu ditubuhkan pada tahun 1964 kemudian pada tahun 1966, jelas melalui titah penubuhan semasa peletakan batu asas sekolah itu bukan sahaja untuk melahirkan agamawan bahkan juga profesional dalam bidang-bidang lain yang berorientasikan agama.

Kerana itu, mata-mata pelajaran menerapkan nilai atau objektif tersebut yang menjurus kepada sudut pasaran kerja dan *الْحَمْدُ لِلَّهِ* sampai sekarang ini kitani melihat hasil persekolahan Arab yang sebahagian kecil yang melanjutkan pengajian setelah tamat di persekolahan Arab, dalam bidang-bidang yang lain telah pun memberikan khidmat kepada negara dalam jurusan-jurusan yang kitani ketahui sampai sekarang ini bahawa mereka itu tidak terhad untuk berkhidmat semula dalam perkhidmatan agama dan sebaliknya ada yang berkhidmat dalam bidang diplomatik, kewangan malah juga dalam bidang pertahanan dan sebagainya.

Ada beberapa program yang dibuat untuk menyediakan penuntut-penuntut memasuki pasaran kerja antaranya:

- i. Program Keusahawanan, Kewangan dan bidang yang lain seperti program melahirkan para pelajar yang mempunyai kemahiran iaitu kemahiran asas misalnya Kemahiran Kaligrafi Islam, Kraf Tangan, Urusan Rumah Tangga kalau disebut istilah lamanya dan menyediakan makanan minuman dengan bimbingan guru-guru yang berpengalaman;
- ii. Penyertaan dalam beberapa pertandingan di peringkat kebangsaan yang berkaitan dengan keusahawanan seperti Program *BEES*, Program Sains yang disebut *PRYNESA*, kemudian bidang reka cipta iaitu *BICTA*, bidang teknologi iaitu *ROBOTECH* dan lainnya. Mereka juga didedahkan kepada kegiatan-kegiatan seperti ini;
- iii. Pelajar-pelajar persekolahan Arab juga dilibatkan dalam aktiviti persatuan-persatuan beruniform seperti Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Bulan Sabit Merah, Pasukan Pandu Puteri, Pasukan Pengakap dan Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei; dan
- iv. Pendedahan dari sudut pasaran kerja bukan hanya dari segi ko-kurikulumnya malah sebagaimana yang kaola jelaskan tadi, persekolahan Arab daripada mulanya memberikan tumpuan dari segi kokurikulumnya mata-mata pelajaran umum turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar seperti Matematik, Sains, *Accounting*,

Physics, *Economics* dan *Business, Arts and Technology* sebagaimana Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar persekolahan umum di bawah Kementerian Pendidikan.

Secara umumnya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, inisiatif-inisiatif kokurikulum dan kurikulum di persekolahan Arab yang telah dilaksanakan pada masa ini, pada dasarnya menepati keperluan-keperluan dari sudut pasaran kerja yang juga secara langsung turut menyumbang kepada pembangunan negara bukan hanya dalam bidang keagamaan dan bidang-bidang lain yang diperlukan, bahkan kedua-duanya ada yang dalam bidang agama berserta dengan bidang-bidang lain.

Demikian penjelasan atau jawapan mengenai persekolahan Arab kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong wakil Daerah Tutong.

Kaola kembali kepada soalan berhubung dengan sejauh manakah perkembangan peringkat atau fasa-fasa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mereliasasikan Akta Syariah ataupun Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang telah dikuatkuasakan fasa pertamanya itu?

Kaola sukacita menjelaskan bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang dikuatkuasakan berperingkat-peringkat atau berfasa-fasa itu tetap kontraknya atau pada landasannya. Pelaksanaan pertama telah bermula pada 1 Mei 2014,

manakala fasa-fasa berikutnya akan dilaksanakan seperti mana yang akan ditetapkan kemudian pada masa dan ketika yang sesuai secara pentadbiran.

Fasa-fasa yang disebutkan dalam waktu pelaksanaan awalnya itu misalnya setahun selepas pelaksanaan fasa pertama dan sebagainya bukanlah ketetapan undang-undang tetapi itu secara pentadbiran berdasarkan apa yang dapat disiapkan.

Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah secara berfasa ini dengan tujuan untuk membolehkan perancangan dan persediaan awal yang strategik, teratur, kemas serta tindakan yang konkrit dapat diambil lebih dahulu oleh semua agensi yang berkenaan, bukan sahaja agensi-agensi dalam perkhidmatan agama ataupun perkhidmatan kehakiman syariah tetapi oleh semua agensi yang berkenaan termasuk dalam perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri umpamanya perkhidmatan Jabatan Penjara, perkhidmatan Polis Diraja Brunei, perkhidmatan Kementerian Kesihatan dan seterusnya yang lain-lain bahkan dalam hal ini perkhidmatan undang-undang Pejabat Peguam Negara.

Semua agensi yang berkenaan seperti penyiasatan, pendakwaan, kehakiman dan pelaksanaan hukum serta agensi-agensi lain yang berkenaan tidak semata-mata terhad kepada perkhidmatan agama.

Jadi ke arah pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013

bagi fasa seterusnya, satu draf perintah ini yang penting. Semasa Perintah itu dilaksanakan fasa pertramanya, *CPC* ataupun *Criminal Procedure Court* bagi syariah bagi kanun tersebut belum siap. Jadi proses fasa pertama itu lebih banyak tertumpu kepada menyiapkan *CPC* Syariah.

الحمد لله *CPC* itu telah siap dan telah pun diluluskan oleh majlis dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang telah pun memperkenankannya untuk diwartakan, sekarang dalam proses pewartaan.

Sebelum *CPC* Syariah itu dikuatkuasakan, ini juga diketahui oleh pengamal undang-undang betapa perlunya satu *period* atau jangka waktu yang cukup untuk semua pengamal undang-undang dan yang berkenaan mengenai undang-undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 itu memahami selok-belok pelaksanaannya menurut peruntukan-peruntukan yang ada, maka satu tempoh yang bersesuaian akan diberikan bagi mereka itu memahaminya.

Ia penting, *CPC* ini kalau dikira barangkali Yang Berhormat Yang Di-Pertua adalah Brunei satu-satunya yang dapat membuat satu *CPC* Syariah.

Ia lengkap dan terperinci dengan memperuntukkan segala peraturan dan prosedur yang akan menjadi panduan yang jelas bagi setiap agensi serta pihak berkenaan dalam melaksanakan tugas

dan tanggungjawab menegakkan keadilan. Selain *CPC* Syariah itu, kita sudah ada *CPC* Syariah dan dalam proses pewartaan, yang penting lagi ialah penyediaan beberapa *Standard Operating Procedure* atau *SOP*.

Ini juga **الْحَمْدُ لِلَّهِ** telah disediakan oleh semua pihak berkenaan bukan pihak perkhidmatan agama sahaja, semua pihak yang berkenaan dalam undang-undang itu menyediakan *SOP* dalam pelaksanaannya, dan *SOP* ini setakat bersifat pentadbiran.

Walau bagaimanapun, ia perlu dibuat, ia perlu difahami apabila ia sudah dibuat dan telah pun diluluskan, maka *SOP* ini telah disediakan dalam bentuk-bentuk seperti yang dapat kaola nyatakan antaranya:

- i. *SOP* bagi penyelarasan kerjasama Bahagian Penguat Kuasa Agama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei yang berkaitan dengan penyiasatan penguatkuasaan;
- ii. *SOP* yang berkaitan dengan pendakwaan serta penyelarasan kerjasama Bahagian Pendakwa Syarie dengan pihak Peguam Negara;
- iii. *SOP* bagi kesalahan hudud dan qisas yang berkaitan dengan perbicaraan di Mahkamah Syariah;
- iv. *SOP* bagi pelaksanaan hukuman-hukuman di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 ini yang meliputi *SOP* hukuman sebat, *SOP*

hukuman mati dengan cara digantung, *SOP* hukuman penjara, *SOP* hukuman potong tangan dan kaki, *SOP* hukuman rejam, *SOP* hukuman qisas (kecederaan);

- v. *SOP* seterusnya ialah bagi kegunaan dan panduan pegawai-pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan iaitu Manual Prosedur Kerja dan terma rujukan Kementerian Kesihatan dalam mengimplementasikan hukuman syariah; dan

vi. *SOP for Syariah Capital Punishment.*

Seterusnya di samping mengemaskinikan infastruktur *SOP's* ini ialah langkah mengemaskinikan infrastruktur penyediaan prasarana bangunan, peralatan dan bahan-bahan yang diperlukan, malah dari segi persediaan sumber tenaga manusia serta tahap kemahiran mereka juga telah diambil perhatian yang sewajarnya.

Tindakan juga sedang berjalan pada masa ini bagi memberigakan *SOP's* berkenaan itu kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan di bawah agensi yang terlibat bagi memastikan mereka benar-benar dapat memahami dengan mendalami kehendak yang disebutkan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 itu, memahami itu ialah memahami *CPC* dan *SOP's* berkenaan sama ada dari segi teori mahupun latihan-latihan praktikal.

Perlu diingat bahawa menegakkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 adalah undang-undang negara kerana itu pelaksanaannya melibatkan semua pihak yang berkenaan dalam menegakkan hukum dan keadilan di negara ini.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-Ahli khususnya kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dari Daerah Tutong yang mengemukakan perkara ini untuk kepentingan umum. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Begitulah keterangan ataupun kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perhubungan semasa perbincangan mengenai soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai statistik kemalangan yang melibatkan kehidupan liar, ingin untuk memberikan keterangan lanjut dan saya sekarang persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi kaola peluang untuk menyampaikan sedikit tambahan kepada jawapan seperti yang Yang Berhormat Yang Di-Pertua sebutkan tadi soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari yang diajukan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada sesi pagi Khamis yang lepas yang juga disentuh sedikit oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sehubungan dengan soalan yang kalau dapat kaola tekankan semula "Adakah pihak yang berkenaan terdapat statistik mengenai kes-kes kemalangan jalan raya yang melibatkan kehidupan liar?".

الْحَمْدُ لِلَّهِ melalui satu majlis kebangsaan iaitu Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dengan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga *source* daripada *Brunei Insurance Takaful Association (BITA)*, memang ada pengendalian statistik kemalangan jalan raya secara umumnya dan ini termasuklah juga statistik mengenai kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan dan binatang ataupun haiwan di jalan raya.

Walaupun tidak didefinisikan di sini, ia mengenai kenderaan dan binatang liar.

Tetapi izinkan sahaja kaola memberikan sedikit gambaran berpandukan kepada statistik yang ada. Secara umumnya kaola ingin mengongsikan trend

kejadian kemalangan yang melibatkan kenderaan dan haiwan.

Memang ada berlaku dan keprihatinan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari memang dikira relevan kerana semenjak tahun 2010 hinggalah ke tahun 2017 dalam jangka masa 7 tahun, memang ada peningkatan yang sangat ketara iaitu pada tahun 2015 statistik menunjukkan kes yang dilaporkan mengenai kenderaan dengan haiwan yang terlibat dengan kemalangan jalan raya adalah sebanyak 15 kes pada 2010 dan meningkat dalam 5 tahun. Meningkat kepada 23 kes pada tahun 2015 dan seterusnya meningkat lagi kepada 43 kes yang dilaporkan pada 2016 dan pada tahun lepas 2017 kes semakin meningkat menjadi 54 kes.

Sehubungan dengan itu, sepertinya kaola tadi, soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa atas keprihatinan Yang Berhormat memang diambil baik dan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) memang mengambil berat dan perhatian dengan apa sahaja yang berhubung kait dengan keselamatan jalan raya khususnya melibatkan *fatality* ataupun *serious injuries cause by accident*.

Dalam hubungan ini, MKKJR mengalu-alukan kerjasama dari berbagai-bagai pihak termasuklah juga pihak-pihak swasta, pihak-pihak bukan kerajaan,

NGO's dan khususnya pihak-pihak sukarelawan dalam sama-sama menangani isu-isu keselamatan jalan raya secara umumnya.

Inilah termasuk juga kaola ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan di sini bahawa MKKJR pada masa ini **الْحَمْدُ لِلَّهِ** telah pun mula mengorak langkah dengan membuat beberapa strategi untuk memantapkan lagi usaha ke arah menangani isu keselamatan jalan raya di mana antaranya termasuk juga:

1. Untuk memperkemas dan memantapkan lagi perkumpulan data dan statistik dengan adanya *data analytics*; dan
2. Satu usaha ke arah untuk memantapkan lagi kolaborasi ataupun kerjasama dengan membawa Bersama-sama pihak-pihak yang kaola telah sebutkan tadi iaitu pihak *NGOs*, swasta dan sukarelawan kerana Yang Berhormat Yang Di-Pertua, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudahan dengan apa juga soalan dan keprihatinan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa tadi dapat diambil penekanan dan perhatian.

Sekian sahaja yang kaola/saya dapat sampaikan dan diucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri

Perhubungan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita menyambung untuk mendengar soalan-soalan seterusnya, saya ingin menyatakan bahawa saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tidak dapat hadir pada persidangan kita pada pagi ini atas urusan rasmi yang lain dan dengan sebab itu kita tidak dapat menyelesaikan Soalan No. 9. Kita memohonkan supaya kita beralih untuk melihat ataupun mendengar soalan berikutnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Perkara V, Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan Jawab Mulut No. 10 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola akan membawakan perkara Tajuk SL03A-Jabatan Belia dan Sukan. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) adalah sebuah aspirasi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menjadi suatu keperluan bagi negara untuk melahirkan dan mewujudkan Belia Brunei Cemerlang selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara.

Menyentuh kembali kepada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) pengambilan ke-6 di Kem Latihan PKBN Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong pada 13 Mac 2017 yang lalu, antara lain baginda menekankan akan kepentingan *Task Force* PKBN untuk melipatgandakan usaha dalam menyediakan program-program bermanfaat bagi lepasan para Pelatih PKBN mencurahkan khidmat. Baginda juga bertitah sudah tiba masanya untuk kita menuai hasil daripada pelaburan dalam PKBN...

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut agenda kita bahawa soalan Yang Berhormat adalah soalan 10 iaitu warga emas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Kaola mohon maaf Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ya betul. Tapi soalannya yang No.10. Sebagai warga emas di Dewan ini, saya juga mempunyai kepentingan mengenai soalan ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Kaola mohon maaf, Yang Berhormat Pengerusi. Jadi

kaola bacakan semula lagi mengenai warga emas. Mengikut laporan "*Second World Assembly On Ageing, Madrid, Spain, 2002*", negara-negara yang sedang membangun menghadapi masalah mengenai masyarakat warga emas (*ageing population*) yang pada separuh abad pertama pada abad ke-20 jangka hayat penduduk bertambah 20 tahun dari sejak 1950 dan meningkat lagi 10 tahun pada 2050. Nisbah masyarakat tua dijangka akan meningkat dari 8% hingga 19% pada 2050.

Disebabkan memerlukan perbelanjaan yang banyak bagi memberikan perkhidmatan, kebanyakan negara sedang membangun telah tidak prihatin kepada kesejahteraan penduduk warga emas (*ageing population*), walaupun di sepanjang hayat mereka, mereka telah pun memberikan sumbangan jasa bakti kepada negara, agama dan bangsa dalam bentuk yang sepatutnya dikenang dan diberikan perhatian yang setimpal pada akhir hayat mereka. *The Second World Assembly on Ageing* telah mengadakan mesyuaratnya di *Madrid, Spain* pada 8 hingga 12 April 2002 dan merangka pelan tindakan antArabangsa untuk menangani masalah ini yang bergelar "*Political Declaration and Madrid International Plan of Action on Ageing*" yang menggariskan tiga tuju arah utama seperti berikut:

1. Warga emas dan kemajuan;
2. Kemaraan kesihatan dan kesejahteraan; dan

3. Memastikan pemberian persekitaran yang selesa dan kondusif.

Di Negara Brunei Darussalam **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** warga emas telah pun diberi perhatian yang baik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan diberikan beberapa kemudahan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyentuh tentang pengorbanan dan jasa warga emas semasa baginda bertitah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara tahun 1427 /2006 yang antara lain berbunyi:

"Kita di Negara Brunei Darussalam sudah pun nampak kasih sayang Allah itu melimpah ruah. Kita telah menikmatinya semenjak sekian lama lagi yang berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran. Semua ini adalah berkat kebajikan yang terbit daripada niat baik semua peringkat, terutama dalam kalangan orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan yang ada.

Mereka itu dikenang dan akan terus dikenang. Kerana antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa."

Saya ingin bertanya:

1. Sejauh manakah perkembangan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Rancangan Tindakan "*The Political*

Declaration and Madrid International Plan of Action on Ageing (2002)” yang antara lain bukan saja untuk memberi keutamaan ke arah penglibatan dan integrasi warga emas dalam pembangunan masyarakat, peningkatan perkhidmatan kesihatan dan penyediaan persekitaran yang kondusif khusus bagi warga-warga emas, tetapi juga selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan warga emas di negara ini sebagai warga sihat yang bergiat aktif serta dapat meneruskan pemberian sumbangan kepada pembangunan bangsa dan negara?; dan

2. Adalah tidak dinafikan, bahawa di negara kita juga terdapat warga emas yang kurang bernasib baik disebabkan oleh kesihatan yang terjejas, kurang upaya ataupun yang tidak mempunyai dukungan keluarga yang mantap. Apakah tindakan atau perancangan pihak-pihak yang berkenaan dalam sama-sama membantu warga emas dalam golongan ini?

Sekian وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Untuk menjawabnya, kaola menilai bahawa kedua-dua soalan ini mempunyai kesinambungan, ia menghubungkan dua isu mengenai warga emas khususnya peranan mereka dalam pembangunan masyarakat dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dalam memeduli warga emas terutamanya yang kurang bernasib baik.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sentiasa peka dan sangat mementingkan kebajikan golongan sasaran termasuklah warga emas yang merangkumi hampir 10% daripada jumlah keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan telah menilai dan melaksanakan dasar-dasar yang menyokong hak dan perlindungan warga emas di samping menggalakkan penglibatan mereka dalam memajukan negara ini.

Ke arah ini Pelan Tindakan Isu Warga Emas yang mempunyai visi “Ke arah warga emas yang sihat, aktif dan menyumbang kepada kemajuan negara” telah pun di reviu dan diluluskan oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial ataupun *MKIS* pada Mei 2017.

Pelan tindakan ini di bawah Jawatankuasa Khas Orang Kelainan Upaya Dan Warga Emas telah diselaraskan dengan strategi-strategi Wawasan Brunei 2035 dan mengikut kesesuaian "*Madrid International Plan of Action On Ageing*" dan "*Global Strategy of Action Plan on Ageing And Health*" seperti mana yang telah pun diketengahkan oleh Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pelan Tindakan Warga Emas mempunyai tiga matlamat utama iaitu:

1. Pembangunan warga emas, demi membangunkan warga emas yang produktif dan berdikari;
2. Kebajikan dan kesejahteraan warga emas, demi memastikan skop jaringan sosial merangkumi perlindungan warga emas dan penuaan sihat; dan
3. Sistem sokongan mesra warga emas, demi memastikan persekitaran dalaman dan luaran yang mesra bagi mengurangkan ketidakupayaan yang dialami oleh warga emas dan menggalakkan penglibatan mereka dalam masyarakat.

Ketiga-tiga ini selari seperti mana yang diketengahkan oleh Yang Berhormat tadi.

الحمد لله pada masa ini, pelaksanaan pelan tindakan ini berjalan dengan baiknya. Sebagai contoh Pusat Kegiatan

Warga Emas telah dilancarkan di tiga daerah dan yang terkini pada 13 Februari 2018 di Kampung Pandan Daerah Belait. Pusat terbaharu ini menyerapkan Pusat Kegiatan Warga Emas ataupun *PKWE* dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kampung Pandan di bawah satu bumbung dan dinamakan Pusat Masyarakat Bestari ataupun *PMB*.

Pusat ini berfungsi sebagai satu kemudahan bagi warga emas untuk berinteraksi dengan pelbagai golongan masyarakat terutamanya para belia. Ia juga bertujuan memberi peluang kepada warga emas untuk menyumbang khidmat kepada masyarakat.

الحمد لله sejak perasmianya seramai 25 orang warga emas telah mendaftar dan menyertai aktiviti-aktiviti dalam pusat ini. Dikongsikan juga bahawa Pusat Kegiatan Warga Emas daerah Brunei Muara di Kampung Lambak Kanan mempunyai keahlian seramai 267 orang, sementara Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Tutong mempunyai keahlian seramai 165 orang.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah secara menyeluruh daripada ilmunan, keagamaan, kebajikan, kraf tangan, kesukanan dan yang paling penting ialah kenegaraan.

إن شاء الله kaola percaya jumlah ini akan terus meningkat. Memang ia masih kecil jika dibandingkan dengan 10% warga emas di Negara Brunei Darussalam. Sebagai usaha dalam memastikan pelaksanaan Strategi *Whole of Nations* berjalan dengan lancar, beberapa

maklum balas mengenai pelan tindakan ini telah pun didengarkan semasa sesi muzakarah dengan Kumpulan Warga Emas yang telah dihadiri oleh kira-kira 50 orang warga emas dari seluruh negara pada 1 Mac 2018 demi memperhalusi perlaksanaannya.

Kementerian ini juga mengambil maklum bahawa Kumpulan Warga Emas berhasrat untuk menubuhkan Majlis Warga Emas dan telah menyediakan Draf Perlembagaan Majlis yang diselaraskan dengan Pelan Tindakan Warga Emas. Kita sangat mengalu-alukan hasrat murni Penubuhan Majlis Warga Emas ini nanti demi membuka lebih banyak peluang bagi warga emas untuk menyumbang ke arah pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola meneruskan bagi menyentuh mengenai tindakan-tindakan yang diambil kementerian ini dalam memeduli warga emas khususnya membantu mereka yang kurang bernasib baik. Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, sistem dukungan kekeluargaan yang erat tetap diutamakan.

Oleh itu, semua lapisan masyarakat apatah lagi ahli-ahli keluarga memainkan peranan penting dalam sama-sama memeduli dan memastikan sistem kesejahteraan warga emas. Untuk makluman bagi warga emas yang kurang bernasib baik, kementerian ini mempunyai peningkatan secara 2 cabang sistem jaminan sosial iaitu:

1. Bantuan Kebajikan Bulanan. Pertimbangan khas diberikan kepada warga emas yang uzur dan terlantar walaupun warga emas berkenaan telah menerima pencen umur tua secara *case by case* (melalui Jawatankuasa Menilai Bantuan Kebajikan Bulanan). Pada bulan Disember 2017, seramai 910 warga emas yang juga penerima Pencen Umur Tua telah diluluskan untuk menerima Bantuan Kebajikan Bulanan bagi menampung perbelanjaan mereka; dan
2. Perkhidmatan Sosial. Bagi warga emas yang kurang mendapat penjagaan dan pemedulian ahli keluarga, Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan membuat pelbagai intervensi seperti kaunseling keluarga. Ini memastikan ahli-ahli keluarga tetap menjalankan tanggungjawab mereka untuk memeduli warga emas berkenaan. Bagi warga emas yang tidak mempunyai dukungan keluarga, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat akan berusaha demi memastikan kebajikan mereka tidak terabai. Usaha ini turut dibantu oleh para sukarelawan melalui projek Memeduli Warga Emas atau *PMWE*.

Pada masa ini seramai 9 orang warga emas dipeduli oleh 7 orang sukarelawan yang aktif dalam projek

ini. Dikongsikan jumlah sukarelawan projek memeduli warga emas yang berdaftar adalah seramai 124 orang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian ini menyedari keperluan untuk mempertingkatkan usaha dalam memeduli warga emas di samping menanai cabaran-cabaran yang dihadapi pada masa ini.

Antaranya Jabatan Pembangunan Masyarakat memerlukan lebih ramai tenaga kerja profesional dan sukarelawan yang komited serta dapat meluangkan masa secara konsisten.

Namun demikian, kementerian ini tidak dapat bergerak secara bersendirian. Seperti yang dinyatakan tadi ialah penglibatan dan usaha yang bersepadu seluruh negara melalui pendekatan "*Whole Of Nation*" termasuk semua peringkat masyarakat dan pemimpin-pemimpin akar umbi selaku mata dan telinga kerana ini adalah tanggungjawab sosial kita bersama. Kita amat menghargai warga emas seperti mana jua ia adalah permata dalam kehidupan kita.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar jawapan dan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai dengan soalan yang telah pun ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Maka saya berpendapat bahawa eloklah kita beralih dari membincangkan Perkara V ini dan kita beralih kepada agenda seterusnya iaitu untuk membincangkan Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Rang Undang-Undang ini telah mula kita bincangkan dalam peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita meneruskan usaha kita untuk meneliti Rang Undang-Undang ini satu persatu, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dahulu dan kita akan bersidang semula dalam Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira keterangan-keterangan yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri tadi cukup jelas dalam menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekarang kita akan berpindah untuk menyambung semula perbincangan dan perbahasan Jadual Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah memberikan kenyataannya yang

komprehensif dan begitu jelas dan terperinci mengenai hala tuju serta perancangan-perancangan terhadap bajet Belanjawan Kementerian Kewangan pada mesyuarat kita yang telah diadakan sebelah petang hari Khamis yang lepas.

Seramai 6 orang Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam mengemukakan soalan dan memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengenai perkara-perkara yang menjadi kewahaman kepada mereka.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk mengemukakan jawapan atau respons terhadap soalan-soalan yang telah ditimbulkan itu. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

II: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih atas keizinan Yang Berhormat Pengerusi bagi kaola menjawab soalan-soalan pada hari ini yang telah diajukan sebenarnya oleh 8 orang Ahli Yang Berhormat semasa membincangkan Belanjawan Kementerian Kewangan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 iaitu pada hari Khamis, 20 Jamadilakhir 1439 bersamaan 8 Mac 2018.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang telah diajukan dan dikemukakan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan soalan yang berkaitan dengan Tabung Amanah Pekerja dan SCP, kaola akan menyerahkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Tabung Amanah Pekerja bagi menjelaskan pada masa yang bersesuaian nanti.

Mengenai pemantauan peminjaman wang tidak berlesen iaitu perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, kaola akan menyerahkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) memandangkan perkara ini di bawah kawalan AMBD.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu keperluan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan gaji minimum kebangsaan dan jua beberapa insentif seperti peruntukan makan waktu bekerja, elaun pengangkutan dan bonus tahunan oleh sektor swasta, kaola akan menyerahkan jua kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menjelaskan pada masa yang bersesuaian nanti.

Yang Berhormat Pengerusi:

1. Kaola ingin merujuk kepada beberapa pertanyaan daripada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman iaitu cara

untuk mengawal perbelanjaan kementerian-kementerian supaya tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi mencapai hasrat ke arah penjimatan kewangan dan *prudence spending* negara demi mengelakkan berlaku perbelanjaan yang berlebihan sebagaimana peruntukan yang telah diberikan.

Dalam usaha untuk mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi peruntukan yang diberikan, kementerian dan jabatan hendaklah memastikan setiap perbelanjaan akan dibuat mengikut keutamaan bukannya *'nice to have'* serta mengikut peraturan-peraturan yang telah digariskan. Dalam pada itu, setiap komitmen perbelanjaan hendaklah disertakan dengan *purchase order* bukannya hanya sekadar mengeluarkan surat tawaran. Ini adalah untuk memastikan tuntutan yang dibuat oleh pembekal dapat dibayar mengikut Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) yang telah ditetapkan.

Program Performance Budgeting yang telah diperkenalkan sejak Tahun Kewangan 2016/2017 adalah untuk memastikan setiap kementerian dan jabatan mempunyai perancangan perbelanjaan untuk tahun-tahun berikutnya dengan mengutamakan *outcome* berdasarkan *Key Performance Indicators*.

Untuk makluman Kementerian Kewangan telah menubuhkan Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcay yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri untuk mempertimbangkan dan mengenal pasti, pegawai-pegawai yang boleh dikenakan surcay kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan kewangan sama ada hanya untuk memutik hasil hal ehwal pembayaran dan *procurement*.

2. Mengenai bilakah agaknya dianggarkan *zero deficit* sekiranya tidak bergantung pada hasil sektor minyak dan gas? Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat telah mengusulkan pertanyaan yang sangat penting bagi kitani sama-sama memikirkan kedudukan fiskal negara. Mendapat fiskal yang seimbang (*balance fiscal budget*) atau fiskal yang berlebihan fiskal *budget surplus* adalah pencapaian positif yang diharapkan oleh mana-mana ekonomi di dunia ini.

Sebahagian besar daripada mereka, pada lazimnya terdapat fiskal *policy tools* dan *money policy tools* bagi menolong menyeimbangkan fiskal mereka masing-masing terutamanya bagi negara-negara yang tidak terdapat *natural resources*.

Di Negara Brunei Darussalam, ekonomi kita berlainan daripada negara-negara yang lain. Oleh sebab kita terlebih bergantung pada hasil

sumber minyak dan gas pada masa ini.

Dalam pada itu, kita perlu memahami apakah dasar-dasar fiskal dan monetari yang boleh diguna pakai di Negara Brunei Darussalam. Pada masa yang sama, memikirkan jua implikasi dasar-dasar tersebut jika digunakan untuk mencapai objektif fiskal yang seimbang sama ada dengan hasil dari sumber minyak dan gas atau tidak.

Adalah mustahak bagi negara kita untuk lebih dahulu mencapai kepelbagaian ekonomi yang pesat secara berterusan dan jua memperluaskan lagi hasil dari sektor-sektor bukan minyak dan gas ke tahap yang memuaskan seperti yang telah kita tekankan pada tahun-tahun sebelumnya.

Oleh itu, untuk mencapai *zero deficit* dengan tidak bergantung pada hasil sumber minyak dan gas yang disoalkan oleh Yang Berhormat bukanlah satu perkara yang dapat diatasi secara *straight forward*.

3. Yang Berhormat juga ada membangkitkan mengenai *cluster to development plan*. Kaola bersetuju perkara ini penting untuk dilaksanakan bagi mencapai matlamat kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi sekali gus meningkatkan *KDNK* dan menjana banyak peluang pekerjaan tanpa

perlu bersandarkan kepada minyak dan gas.

Dalam hubungan ini, peningkatan *KDNK* tidak semestinya *positively co-related* dengan kedudukanimbangan fiskal sebagai contoh, JPKE telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 0.8% pada tahun 2017 iaitu pertumbuhan yang positif sejak tahun 2013, namun realitinya negara masih mengalami defisit di sebalik perkembangan-perkembangan *KDNK*.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola berpandangan mengenai topik ini memerlukan masa yang lebih panjang. Maka, kaola mencadangkan agar perkara ini dibincangkan dalam sesi-sesi secara berasingan di luar Dewan ini.

4. Mengenai keberkesanan *e-Invoice* di peringkat kementerian-kementerian dan jua secara meyeluruh dalam menyelesaikan pembayaran kepada pembekal-pembekal yang terlibat. Yang Berhormat Pengerusi, *e-Invoice* telah diterangkan semasa kaola memberikan mukadimah dalam pembentangan Belanjawan Kementerian Kewangan tempoh hari. Keberkesanan pelaksanaan tertakluk kepada proses yang dikendalikan oleh setiap kementerian dan jabatan yang menguruskan pembayaran kepada pembekal.

Apa yang kaola maksudkan setiap pesanan hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti mengeluarkan *purchase order* dari sistem *TAFIS*, mendapatkan kebenaran-kebenaran tertentu mengikut *trash co* yang telah ditetapkan.

Kaola ingin mengkongsikan bahawa sejak 4 September 2017 hingga 28 Februari 2018 sebanyak 85.6% iaitu 15, 38 inois dari 23,761 inois telah dibayar Dalam tempoh *TPOR* iaitu dalam 30 hari.

Laporan prestasi pembayaran bulanan setiap kemementerian akan dihadapkan kepada Setiausaha Tetap masing-masing bagi memastikan tindakan-tindakan yang bersesuaian diambil, bagi tuntutan yang masih belum diambil tindakan dan seterusnya mengelakkan tunggakan pembayaran.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kewangan akan meneroka dengan aktif ke atas penggunaan teknologi maklumat dengan memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai khususnya dan kementerian-kementerian dan jabatan amnya dapat ditingkatkan.

5. Seterusnya, kaola ingin merujuk kepada beberapa soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu:
 - i. Kenapakah harga sesetengah barangan masih lagi tinggi malah lebih mahal daripada sebelumnya

iaitu selepas perubahan kadar cukai yang diperkenalkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sejak 1 April 2017. Sebagai contoh, harga tayar yang dahulunya \$90.00 sekarang sudah menjadi \$98.00 sebiji.

Kaola sukacita memaklumkan bahawa sebelum perubahan kadar cukai import kastam, kadar cukai import dari negara-negara yang tidak menandatangani perjanjian *Free Trade Agreement (FTA)* bagi alat ganti kenderaan berat dan jentera berat seperti tayar adalah antara 15% dan 20%. Sementara itu, kadar cukai import dari negara-negara yang menandatangani perjanjian *Free Trade Agreement (FTA)* dengan Negara Brunei Darussalam ialah 0%.

Sejak 1 April 2017, cukai bagi alat ganti kenderaan berat dan jentera berat termasuk tayar adalah dikenakan cukai eksais sebanyak 5% iaitu kadar *differential tariff*, perjanjian *FTA* tidak akan digunakan.

Antara faktor lain yang boleh memberikan kenaikan harga besar kemungkinan juga disebabkan harga bahan mentah dan seterusnya harga produk-produk berkenaan.

Kaola juga menyarankan kepada Yang Berhormat untuk melaporkan mana-mana kenaikan

harga yang kurang berpatutan dan unsur-unsur penipuan kepada JPKE; dan

- ii. Adakah pemikiran untuk memberikan pertimbangan bagi melaksanakan penyelarasan mengenai Elaun Sara hidup ini agar pesara skim TAP sama-sama menikmati.

Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini perlu diteliti secara mendalam terutamanya dari segi kemampuan kewangan kerajaan dalam jangka masa panjang jika pemberian kemudahan-kemudahan tersebut dilaratkan kepada pesara skim TAP. Kaola ingin mengkongsikan bahawa kerajaan membelanjakan lebih kurang \$250 juta setahun untuk membayar elaun-elaun kepada pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk mereka yang menerima pensen perkhidmatan.

Apa yang penting ialah kita sama-sama merealisasikan tujuan penubuhan skim TAP ini yang antara lainnya untuk memberikan kemudahan perlindungan sosial bagi menampung keperluan hari persaraan bagi rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka yang berkhidmat di sektor awam ataupun swasta.

6. Kaola seterusnya merujuk kepada soalan Yang Berhormat Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari iaitu Adakah pihak jabatan dapat menimbangkan untuk memberi

insentif bebas cukai yang mesra alam sekitar *eco-friendly* khususnya teknologi *panel solar* bagi menggalakkan orang ramai menggunakan tenaga solar untuk menyumbang kepada penjimatan tenaga dalam jangka masa yang panjang. Kaola menyambut baik cadangan Yang Berhormat.

Kaola ingin mengongsikan bahawa melalui komitmen dalam perjanjian *APEC* sejak 1 April 2012, Negara Brunei Darussalam telah menyenaraikan sebanyak 78 barisan produk *environmental good services* yang dikategorikan boleh melindungi alam sekitar dan mesra alam dengan tidak ada cukai import dikenakan. Ini, termasuk *solar panel*.

Dalam pada itu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah bekerjasama dengan Jabatan Tenaga dan Perindustrian bagi mengurangkan *intensity* tenaga kepada 45% tidak ada cukai dikenakan bagi *turbine* yang menggunakan aliran wap, manakala bagi kenderaan kereta hybrid akan ditolak 5% dari kadar cukai yang dikenakan.

Mengenai permohonan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin supaya pemeriksaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja diperketatkan secara lebih konsisten dan bukan sahaja pada waktu-waktu musim tertentu bagi mencegah kemasukan barang-barang yang terlarang seperti rokok dan barang-barang lainnya yang ditegah keras

ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan dan 'jalan-jalan tikus'.

Kaola mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain akan terus komited dalam sama-sama menjaga keselamatan, keamanan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah mengambil langkah-langkah seperti mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Meningkatkan kekerapan rondaan di 'lorong-lorong tikus' dan tempat yang dikenal pasti berisiko tinggi. Memperketatkan kawalan pemeriksaan di pos-pos kawalan darat dan perairan negara ini.

Kaola ingin mengongsikan perangkaan operasi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja termasuk operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain iaitu pada tahun 2016 sejumlah 1,263 operasi telah dilaksanakan, manakala 1,242 operasi pada tahun 2017.

Mengenai beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman iaitu:

1. Supaya pemberian elaun-elaun tertentu seperti Elaun Kurnia Khas dan Elaun Sara Hidup berkenaan juga dihulurkan kepada pekerja-pekerja syarikat swasta bagi mengelakkan soal memilih pekerjaan di sektor kerajaan.

Kaola mengucapkan terima kasih atas soalan dan saranan Ahli Yang Berhormat dan kaola menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap kesejahteraan pekerja di sektor swasta.

Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini pernah dibangkitkan di musim mesyuarat yang lalu iaitu semasa Pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2014/2015. Pemberian Elaun Kurnia Khas dan Elaun Sara Hidup oleh kerajaan kepada pekerja-pekerja sektor kerajaan selaku fungsi kerajaan sebagai majikan.

Oleh itu kita tidaklah sepatutnya meletakkan beban untuk menghulurkan elaun-elaun tersebut kepada kerajaan semata-mata.

Para majikan dan pengusaha-pengusaha di sektor swasta juga seharusnya mempunyai tanggungjawab sosial kepada pekerja-pekerja mereka dengan menawarkan pakej gaji yang lebih menarik, memperbaiki persekitaran kerja yang kondusif, menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan sebagainya. Ini adalah untuk menghargai

sumbangan bakti dan perkhidmatan mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sektor swasta telah memberi tahap ganjaran perkhidmatan yang lebih baik daripada apa yang diberikan oleh kerajaan. Seperti yang kita maklum terdapat beberapa kemudahan yang telah dihulurkan oleh kerajaan yang juga turut dinikmati oleh pekerja-pekerja di sektor swasta seperti kemudahan Cuti Bersalin mulai 1 Januari 2011 iaitu kerajaan akan membayar balik kepada majikan gaji bagi minggu ke-9 hingga ke-13 percutian pekerja-pekerja swasta yang bercuti bersalin itu.

Elaun Pelajaran *Treasury* bagi ahli-ahli TAP yang bekerja di sektor swasta dan bantuan kewangan sebanyak \$25,000 kepada ahli-ahli TAP yang mencarum ke dalam Skim Tabung Perumahan TAP. Kerajaan akan terus berusaha untuk mempelbagaikan ekonominya.

Menambah peluang pekerjaan, membuka peluang-peluang kepada syarikat-syarikat tempatan termasuk *MSME*. Jika usaha-usaha ini berjaya, ia akan dapat meningkatkan lagi taraf dan kualiti kehidupan penduduk negara ini selaras dengan visi Wawasan Brunei 2035.

Untuk mencapai kejayaan ini memerlukan kerjasama dari semua pihak di sektor swasta dan sektor awam. Komitmen dan dukungan bersama perlu untuk meningkatkan

taraf dan kualiti kehidupan setiap rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam termasuk pekerja sektor swasta.

2. Mengenai adakah perlu untuk syarikat telefon selular *DST* dan *Progressive* bersaing antara satu sama yang lain dan adakah tidak lebih berkesan dari segi kos tenaga kerja, sistem dan peralatan yang digunakan jika 2 buah syarikat ini digabungkan menjadi satu syarikat?

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, memang ada terdapat penjimatan kos, jika sekiranya kedua-dua buah syarikat pembekal perkhidmatan telekomunikasi disatukan.

Walau bagaimanapun, apa yang lebih penting ialah dalam dunia perniagaan, persaingan satu perkara yang dapat memberikan manfaat kepada pengguna iaitu dengan memberikan harga yang kompetitif serta produk-produk perkhidmatan pelanggan yang lebih berkualiti.

Ke arah itu, *Darussalam Asset Sdn. Bhd.* sebagai pemegang saham syarikat-syarikat pembekal telekomunikasi selular di negara ini sedang mengkaji semula struktur *portfolio* dan prestasi sektor telekomunikasi dengan bertujuan antaranya untuk meningkatkan kelajuan *connectivity* dan *reliability* perkhidmatan *mobile* dan *fax*.

Meningkatkan liputan atau *coverage*, pilihan kualiti dan

kepelbagaiaan tawaran produk dan perkhidmatan pada harga yang lebih rendah untuk semua pengguna dan perniagaan.

Mengoptimumkan kos, mempercepatkan pelaburan dalam infrastruktur telekomunikasi yang canggih dan *state of the art* untuk menyediakan asas bagi perkhidmatan *5G* dan *internet of things*. Meningkatkan bilangan dan kemahiran para profesional telekom tempatan di peringkat pengurusan kanan dan teknikal dengan tujuan supaya syarikat-syarikat telekomunikasi diketuai dan diuruskan oleh eksekutif dan kakitangan yang terdiri daripada anak-anak tempatan.

Seperti jua negara-negara lain sektor komunikasi adalah pemangkin atau *catalyst* untuk meningkatkan inovasi khususnya untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu yang berkualiti tinggi bagi para belia di negara ini.

Prestasi sektor telekomunikasi pada masa ini berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, boleh diperbaiki lagi untuk memberikan manfaat yang lebih besar kepada negara berbanding sekarang.

Ke arah ini, matlamat utama adalah untuk mengoptimumkan *structure sector* dan tahap perkhidmatan untuk memaksimumkan nilai wang atau *value for money* kepada pengguna serta mendukung kemajuan ekonomi negara.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:-

1. Iaitu mengenai penjelasan maksud Pegawai Pinjaman dalam Tajuk 001/002. Adakah sama dengan pegawai luar yang dikontrak secara masa-masa yang tertentu? dan penjelasan skop yang diliputi oleh perbelanjaan sebanyak \$1,254,795.00. Adakah ia sama dengan yang dimaksudkan dengan pegawai kontrak itu?

Kaola mengucapkan terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat itu. Pegawai pinjaman yang dimaksudkan bukanlah pegawai pinjaman dari luar negeri yang diambil secara berkontrak, tetapi adalah pegawai-pegawai yang ditempatkan atau dipinjamkan (*seconded*) dan kementerian dan jabatan kerajaan lain yang antara lainnya bertujuan untuk membantu kementerian berkenaan dalam pengurusan hal ehwal kewangan.

Di samping untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pegawai-pegawai berkenaan. Peruntukan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat iaitu sejumlah \$1.39 juta bagi Tahun Kewangan 2018/2019 adalah untuk pembayaran gaji dan elaun-elaun;

2. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu untuk Kementerian Kewangan merundingkan dengan pihak swasta yang berniaga dengan Brunei yang tidak dikenakan cukai-cukai pendapatan dan sebagainya. Mengenai kemudahan-kemudahan yang ditawarkan bagi mengimbangi apa yang ada dalam sektor awam, kaola mengucapkan terima kasih atas saranan ini **الْحَمْدُ لِلَّهِ** pihak kaola akan berunding dengan agensi-agensi yang berkepentingan.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengenai ataupun sebagai respons soalan-soalan yang telah dikemukakan terdahulu daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum pandangan ini kita teruskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin untuk membuat kenyataan terhadap perkara yang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin memberi penjelasan kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari mengenai pemantauan

pinjaman-pinjaman wang yang tidak berlesen.

1. Pihak *Autoriti Monetori Brunei Darussalam* (AMBD) sentiasa memantau aktiviti-aktiviti pinjaman wang yang tidak berlesen di negara ini. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak AMBD bagi menangani perkara ini ialah pihak AMBD sentiasa berkerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan khususnya Pasukan Polis Diraja Brunei bagi penyiasatan bagi mana-mana individu dan syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti pinjaman wang yang tidak berlesen;
2. Pihak AMBD juga dari masa ke masa menerbitkan senarai dalam laman sesawang AMBD bagi menyenaraikan mana-mana individu atau syarikat yang disyaki menjalankan kegiatan kewangan yang tidak berlesen termasuk aktiviti pinjaman wang yang tidak berlesen;
3. Pihak AMBD dan akan terus memberikan kesedaran awam melalui program-program celik kewangan seperti jerayawara-jerayawara dan penerbitan-penerbitan dan maklumat kesedaran di media massa dan media sosial bertujuan bagi mengingatkan orang ramai agar tidak menjadi mangsa kepada kegiatan kewangan yang tidak berlesen dan risiko yang berkaitan dengannya; dan

4. Dalam hubungan ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada agar tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti kewangan yang tidak berlesen. Untuk sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak AMBD atau melaporkan terus kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kaola juga suka untuk merespons kepada soalan yang dikemukakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai isu gaji minimum yang diusulkan. Dalam perkara ini, Jabatan Buruh dengan bantuan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah mendapatkan khidmat pakar dari pihak *Institute for ASEAN and East Asia (ERIA)* untuk melaksanakan kajian dan seterusnya mencadangkan kadar bagi gaji minimum bagi Negara Brunei Darussalam.

Kajian yang dibuat oleh pihak ini *ERIA* mengambil kira amalan-amalan terbaik dari negara-negara *ASEAN* yang lain, penganalisan ke atas Kaji Selidik Tenaga Buruh (*Labour Force Survey*) dan Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah yang diperolehi dari pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi serta statistik lain yang relevan. Dari kajian berkenaan pihak *ERIA* telah mengemukakan satu cadangan kadar gaji minimum berdasarkan kepada prinsip bahawa dengan kadar berkenaan setiap pekerja akan dapat mengekalkan taraf hidup minimum (*maintain minimum standard of living*).

Dalam masa yang sama, Jabatan Buruh juga telah mengadakan dialog berskala kecil di peringkat awal dengan 65 buah syarikat yang terpilih berasaskan saiz dalam 18 sektor industri seperti pembinaan, pertanian, pendidikan, perbankan, perhutanan dan borong serta runcit untuk melihat industri secara ringkas kadar gaji terendah yang ditawarkan dan bagi mengetahui di peringkat awal ini sektor industri yang akan merasai kesan yang ketara mengenai pelaksanaan dasar ini.

Langkah seterusnya adalah bagi Jabatan Buruh untuk meneruskan pelan komunikasi (*communication plan*) melalui sesi dialog bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan yang berkepentingan dan sektor swasta dengan skala yang lebih besar khasnya bagi sektor industri yang dipercayai merasakan kesan ketara daripada pelaksanaan dasar gaji yang minimum ini.

Perkara ini perlu dilaksanakan lebih dahulu dengan berkesan untuk mendapatkan tindak balas dan persetujuan meluas melalui kesemua pihak supaya kadar yang akan ditetapkan nanti seimbang iaitu akan dapat mengekalkan keupayaan syarikat-syarikat untuk terus menggaji pekerja dan dalam pada masa yang sama mengekalkan keupayaan setiap pekerja untuk menyara diri masing-masing.

Sekian saja penjelasan dari pada kaola, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri terhadap kenyataan tambahan yang diberikan sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan itu.

Saya kira dengan jawapan-jawapan yang telah diberikan terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan itu, maka cukuplah sudah perkara ini kita bincangkan secara mendalam dan terperinci. Perkara ini sekarang, saya kira sampailah ke peringkatnya bilamana kita suka untuk mengundi Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga SD09A - Perkhidmatan Rampaian.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih nampaknya semua Ahli yang bersetuju dengan Peruntukan Belanjawan Kementerian Kewangan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga SD09A - Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Khamis juga kita telah pun mendengar beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ditujukan

kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan di Jabatan Perdana Menteri. Sungguhpun kita telah pun meluluskan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, saya kira adalah perlu ataupun elok soalan-soalan yang berkenaan itu diberikan jawapannya sebagai asas atau pun dasar bagi kita untuk menerangkan bagi kepentingan umum di Negara Brunei Darussalam.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi mengemukakan keterangan-keterangan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

*الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ*

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mulakan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang diberikan pada hari Khamis yang lepas. Mula-mula sekali ialah:

1. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai: Apakah peranan Jabatan Penyelidik Brunei, Jabatan Perdana Menteri? Adakah peruntukan ke arah profesional untuk memperkuat bangsa dan negara?

Sebagai merujuk kepada mukadimah kaola pada di awal-awal pembentangan peruntukan, kaola telah memberikan pandangan

sebanyak 5 buah jabatan di Jabatan Perdana Menteri yang dikirakan tertutup disebabkan jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara iaitu isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka. Maka Jabatan Penyelidikan Brunei salah satu daripada 5 jabatan itu;

2. Soalan-soalan daripada Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim ada 3 perkara:-

i. Yang Berhormat menyarankan supaya ditambah peruntukan untuk Radio Televisen Brunei bagi perkara kreatif dan inovatif. Kaola berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat dalam perkara ini. Bagi apa jua rancangan dan perancangan Radio Televisen Brunei dengan pertambahan peruntukan, seperti yang kaola sampaikan dalam mukadimah kaola yang awal-awal lagi yang Jabatan Perdana Menteri khususnya Radio Televisen Brunei memegang prinsip "berpada-pada pada yang ada", "berjimat sebelum habis" dan "biar cangkik jangan putus". Maka persembahan abis kaola adalah atas asas-asas yang ada, tetapi tidak pula menghilangkan

semangat kreatif dan inovatif itu. Abiskaola akan bergerak dengan bersemangat dengan bekal yang ada diberikan kepada abiskaola;

ii. Mengenai siaran radio yang menyiarkan rakaman-rakaman lama kaola menghargai maksud Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, teguran daripada Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan akan menjalankan apa yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, dalam perkara ulang-mengulang rakaman lama ini kaola masih teringat kepada kegemaran Yang Berhormat sendiri iaitu lagu lama iaitu ada nostalgianya. Jadi abiskola ulangtuh juga lagi; dan

iii. Ketiga mengenai "bahasa rojak". Kaola kurang faham rojak apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan penggunaan "bahasa rojak" Radio Televisen Brunei memang sentiasa membuat pemantauan dan teguran terhadap penyiar-penyiar radio supaya tidak akan menggunakan bahasa yang kurang sesuai. Berkemungkinan besar bahasa rojak yang didengar bukannya saluran di bawah rangkaian Radio Televisen Brunei kerana

setakat ini hasil tinjauan jabatan tidak mendapati sebarang penggunaan "bahasa rojak" di rangkaian Radio Televisyen Brunei. Sejak perkara ini dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2012.

Dalam pada itu, Radio Televisyen Brunei secara berterusan mengendalikan aktiviti latihan penyampaian radio dan televisyen dan kerjasama agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institusi pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam khusus dari segi penggunaan bahasa, sebutan dan penyampaian yang diguna pakai dan diterima pakai dalam bidang penyiaran.

Jabatan juga mengendalikan beberapa aktiviti latihan dalam jabatan berbentuk klinik dan bengkel yang bertujuan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran secara khusus isu-isu yang berkaitan dengan penyampaian televisyen dan radio. Langkah ini wajar dalam memastikan mutu penyampaian televisyen dan radio pada tahap yang cemerlang. Walau bagaimanapun kaola menyambut baik akan peringatan mengenai penggunaan bahasa tersebut dan Radio Televisyen akan sentiasa memantau akan perkara ini dari masa ke semasa;

3. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad mengenai jumlah peruntukan setiap tahun untuk pembelian rancangan-ancangan luar negeri:-

- i. Apakah rancangan-ancangan yang akan dibeli memang benar-benar sesuai dan berbaloi untuk penonton-penonton Brunei?

Untuk makluman Yang Berhormat. Radio Televisyen Brunei memperuntukkan sejumlah \$700 ribu bagi Tahun Kewangan 2017/2018 bagi membeli rancangan-ancangan luar negeri berbanding dengan peruntukan jumlah \$1.4 juta bagi tahun 2016/2017 dan mungkin dalam 2018/2019 ini mungkin akan berkurangan.

Walaupun bagaimanapun, mengenai sama ada rancangan itu benar-benar sesuai berbaloi untuk penonton Brunei tidaklah dinafikan bahawasanya rancangan-ancangan itu mendapat sambutan daripada orang ramai.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah pergi ke *Hollywood* bukan untuk berlakon Yang Berhormat Pengerusi. Setelah pergi ke *Hollywood*, ke *Studio Universal*, ke *Studio Paramount* dan sebagainya untuk menemui vendor-vendor atau penjual-penjual rancangan televisyen.

Mudah-mudahan biskita ingat dulu rancangan-rancangan atau siri-siri *Knight Riders, The A-Team, MacGyver, Dynasty, Dallas, Falcon Crest, Air wolf.*

Adalah hasil daripada kerja abis kaola bersama dengan Pengarah RTB pada masa itu Yang Mulia Pengiran Dato Haji Asmalee, mencari siri-siri ataupun filem-filem yang boleh jadi kegemaran ramai, sambutan orang ramai begitu menggalakkan sekali dan jadilah *Knight Riders, The A-Team* begitu popular antara di khalayak ramai terutama muda-muda. Tidak lupa *Hawaii Five-'O'* dan *Love Series;*

- ii Mengenai pengurangan saluran RTB dari 5 kepada 3, memanglah dimaklumi bahawasanya kita dalam keadaan hemat dan bercermat, maka saluran-saluran tersebut sementara waktu ditiadakan dulu.
- ii. Mengenai kenapa jumlah pegawai-pegawai penapis filem masih sama dan dikekalkan, untuk makluman Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, pegawai penapis penapis filem yang sebenarnya pada masa ini tidak lagi 6, orang cuma tinggal 3 orang sahaja dan tidak boleh dikurangi lagi kerana untuk menapis filem itu menggunakan

atau memerlukan masa yang panjang dan bilangan penapis jangan kurang. Maklumlah filem-filem itu kadang-kadang panjang-panjang ada antara penapis itu mungkin mengantuk;

- 4. Soalan berikut daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii mengenai Pusat Kebangsaan e-Kerajaan:-
 - i. Adakah terdapat protokol untuk memastikan sistem-sistem ini tidak terjejas terutama dari segi *hacking* atau *access* tanpa sengaja melalui *portable device*?

Untuk menjawabnya bermula tahun 2014 *e-Government* telah menjalankan program sekuriti bagi sistem e-Kerajaan untuk mengatasi isyu-isu keselamatan siber. Program ini merangkumi beberapa aspek termasuk Sistem Proses Urus Tadbir dan Sumber Manusia. Selain inisiatif di atas beberapa aktiviti keselamatan lain juga diperkenalkan. Salah satu ialah piawaian keselamatan bagi *web* aplikasi *WAC* telah diperkenalkan sebagai garis panduan pelaksanaan dan pengauditan sistem.

Semua *web* aplikasi kerajaan hendaklah diuji keselamatannya menggunakan piawaian tersebut sebelum ia dilancarkan, pada tahun yang sama pihak *e-Government* telah menyediakan satu *Standard*

Platform bagi Laman *web* Kerajaan. *Platform* ini membolehkan pengurusan yang lebih teratur dan mudah dipantau terutama sekali dalam aspek keselamatan *IT*.

Sementara itu pada tahun 2016 pihak *e-Government* telah melaksanakan *Project Manage Security Services* dengan kerjasama *ITPSS*. Tujuan projek ini untuk memantau, melindungi dan menubuhkan infrastruktur *e-Government* dan aset-aset kerajaan. Aktiviti-aktiviti seperti memantau *Network Enviroment Agency* dan perlindungan Laman sesawang Kerajaan bertujuan untuk memelihara daripada risiko-risiko yang secara berterusan yang tidak dijangka-jangka. Manakala aktiviti untuk mengukuhkan aset-aset kerajaan *Vulnerability Management* seperti *server* atau peralatan *network* dilakukan secara suku tahunan; dan

- ii. Soalan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi ialah dengan perbelanjaan Pusat e-Kerajaan untuk menggunakan *Cloud Base Platform* untuk meluaskan lagi *e-service*, adakah mempunyai langkah dalam berjaga-jaga dalam pemantauan keselamatan?

Sebagai langkah jangka masa panjang pihak

e-Government sedang melaksanakan aktiviti untuk memperkukuhkan keselamatan *ICT* melalui projek *Cyber, Security Framework*.

Bagi mengukuhkan sekuriti pada sistem-sistem e-Kerajaan untuk mengatasi isu-isu keselamatan *Siber*, dalam hal ini, pihak *e-Government* bekerjasama dengan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Siber *DKKS* di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara. Rangka kerja ini juga akan menentukan skop fungsi dan tugas serta peranan agensi-agensinya masing-masing dari kerajaan dan swasta yang berkepentingan bagi peningkatan kerjasama serta memastikan *Whole of Nation Approach* dalam menangani sebarang isu berkaitan keselamatan Siber.

Antara lain rangka kerja ini juga akan mengenal pasti undang-undang dan peraturan yang diperlukan termasuklah langkah-langkah bagi melindungi orang ramai daripada ancaman keselamatan Siber;

5. Soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai:-
 - i. Sistem Ujian Psikometrik pengambilan Jawatan B2. Adakah sistem itu relevan sesuai diperkenalkan dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang

mengatakan didapati ramai yang mengeluh akan payahnya peringkat ujian, walaupun mereka mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang dalam bidang mereka. Hanya disebabkan oleh psikometrik itu, ada antara calon-calon menemui kegagalan.

Sebagai jawapannya ujian psikometrik yang mula digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Perkhidmatan Awam pada 25 Mei 2015 adalah satu kaedah *standard* yang diuji dan dihasilkan secara saintifik bagi mengukur kebolehan semula jadi *a need ability* yang diperolehi atau dipelajari *acquired ability* seperti pemahaman, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah mengikut keperluan sesuatu jawatan dalam Bahagian II dan ke atas.

Ia digunakan sebagai penilai di peringkat awal bagi memilih pemohon yang mempunyai kebolehan dan kemampuan yang diperlukan untuk kemahiran utama dalam sesuatu jawatan. Selain ujian psikometrik ujian biasa dalam bentuk *Multiple Choice Question* juga digunakan untuk menilai 3 aspek utama iaitu pengetahuan am dan kenegaraan, hal ehwal pengurusan dan pengetahuan teknikal berkaitan jawatan yang diuji.

Keputusan yang diperolehi dari kedua-dua jenis ujian tersebut digunakan sebagai kaedah untuk menyenarai pendek *short listing* bagi memilih sejumlah calon yang akan menjalani proses selanjutnya. Setakat ini kedua-dua jenis ujian telah dinilai dapat memberikan hasil yang positif kepada kualiti calon yang dilantik.

Ini menunjukkan bahawa sistem ujian yang digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam masih relevan dan sesuai untuk diguna pakai dalam konteks Negara Brunei Darussalam bagi memilih calon-calon besesuaian yang mempunyai kemahiran, keupayaan mental dan gaya tingkah laku serta menerima dan memproses maklumat untuk membuat keputusan dalam masa yang terhad yang ciri-ciri sedemikian diperlukan dalam jawatan-jawatan di Peringkat Bahagian II ke atas.

walau bagaimana pun mengikut keperluan dan kesesuaian masa semasa SPA sedang menjalankan kajian bagi tujuan untuk mereviu penggunaan ujian psikometrik sebagai kaedah *candidate profiling* dan bukannya digunakan sebagai *candidate shortlisting* seperti yang dijalankan pada masa ini;

- ii. Mengenai wakil jabatan yang menginterview seseorang calon untuk mendapat jawatan, contohnya jawatan Pegawai Pentadbir. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh SPA bahawa soalan-soalan yang dikemukakan dan ditanyakan hendaklah bersesuaian. Saya juga difahamkan bahawa soalan yang dikemukakan pada calon sangat mendukacitakan.

Sepatutnya wakil-wakil jabatan yang menemu duga soalan berkenaan dengan jawatan tersebut. Pada menjawabnya proses temu duga bertujuan untuk melihat, meneliti, mengesahkan dan menilai calon-calon dari segi kelulusan akademik, pengalaman, personaliti, kebolehan dan kesesuaian menjawat jawatan yang berkenaan untuk menentukan seseorang calon itu benar-benar sesuai bagi jawatan yang berkenaan atau *best fit*.

Kaedah *Competency Based Interview (CBI)* telah digunakan di SPA sebagai teknik temu duga bahawa penemu duga bertanya soalan-soalan yang menjurus kepada kompetensi calon dalam keadaan tertentu.

Soalan-soalan yang ditanyakan adalah menjurus kepada kaedah *event, action and result (EAR)* bagi menilai 6 kompetensi utama iaitu kerja berpasukan, kepimpinan, komunikasi,

membuat keputusan, pemikiran strategik dan pengetahuan teknikal dan 4 kompetensi tambahan iaitu pengetahuan am, penampilan/keterampilan dan kesesuaian menggunakan sistem pemarkahan yang ditentukan mengikut kesesuaian jawatan yang ditemu duga. Melalui kaedah ini penemu duga dapat membuat penilaian terbaik (*best assessment*).

Dalam pada itu SPA juga menyediakan garis panduan tatacara etika temu duga soalan-soalan yang sesuai dan tidak sesuai untuk digunakan oleh penemuduga bagi memastikan temu duga yang dijalankan adil, teratur, sistematik dan berkesan.

Jadi Yang Berhormat Pengerusi, permasalahan yang ditimbulkan bagi kaola perlu diselidiki kerana tidaklah patut seperti yang dikatakan kenapa azan pun dijadikan soalan. Tidaklah patut hanya kerana soalan azan menyebabkan calon itu gagal kecuali calon itu bukan beragama Islam;

- iii. Soalan seterusnya *System PSC Recruitment. System PSC Recruitment* telah diperkenalkan sejak tahun 2015. Salah satu cara ialah menggunakan *PSC Computerised Management System (CMS)* menggunakan Komputer Sistem Ujian. Langkah-langkah SPA untuk

menyediakan SPA *centre* di daerah lain selain tertumpu di bangunan SPA bagi memudahkan pemohon mengikutinya di daerah-daerah tempat tinggal masing-masing.

Sebagai jawapannya SPA telah memperkenalkan kaedah baru ujian bertulis secara berkomputer yang diberi nama *Public Service Commission Computerised Assessment Management System* dan lebih dikenali dengan singkatan *PSC CMS*. Sistem tersebut telah digunakan sepenuhnya pada bulan November 2017.

Memandangkan *PSC CMS* baru mencapai kira-kira 4 bulan pelaksanaannya maka pada masa ini sesi ujian dihadkan untuk diadakan di bangunan SPA sahaja bagi memantau kestabilan dan keberkesanan sistem sebelum dilaratkan untuk diadakan di tempat-tempat lain jika diperlukan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan SPA *centre* di daerah-daerah lain, buat masa ini difikirkan belum berkesesuaian dan belum ada keperluan ke arah itu dengan mengambil kira calon yang mengambil ujian adalah calon-calon dari Daerah Brunei dan Muara. Di samping keadaan geografi negara ini yang begitu kecil untuk dikunjungi, masa

perjalanan dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain tidak jauh hanya mengambil masa maksimum dalam 2 jam sahaja itu pun boleh kurang lagi.

Dalam pada itu sukacita juga menarik perhatian Yang Berhormat dan semua hadirin bahawa SPA pernah menyediakan kemudahan kaunter khidmat nasihat dilengkapi dengan peralatan di setiap Pejabat Daerah kecuali Pejabat Daerah Brunei dan Muara bagi memudahkan calon-calon di ketiga-tiga daerah berurusan dengan hal ehwal permohonan jawatan yang dikendalikan oleh SPA.

Tetapi projek tersebut tidak lagi diteruskan kerana kurang mendapat sambutan daripada pengguna di daerah berkenaan memandangkan para pencari kerja lebih cenderung untuk datang sendiri berurusan ke bangunan SPA di Bandar Seri Begawan;

- iv. Mengenai waktu ujian telah ditetapkan oleh SPA, ada calon yang didapati memohon untuk menukar tarikh dan sebagainya.

Pada menjawabnya, pada kelazimannya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan mempertimbangkan permohonan calon-calon untuk menukar tarikh ujian atau temu duga

tertakluk kepada sebab-sebab tidak dapat hadir pada tarikh yang telah ditetapkan dan tarikh yang dicadangkan.

Setakat ini mana-mana calon yang tidak dapat hadir atas urusan rasmi kerajaan atau peribadi jika memohon calon-calon berkenaan akan dipertimbangkan untuk menduduki ujian atau temu duga pada tarikh lain yang bersesuaian.

Calon-calon yang dipertimbangkan itu mereka yang membuat urusan *arrangement* yang terdahulu sebelum tarikh temu duga atau ujian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun perubahan tarikh hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan bagi tidak menjejaskan TPOR proses ujian dan proses-proses pengambilan seterusnya.

Inisiatif SPA untuk mengatasi perkara ini ialah untuk menyediakan prasarana dan kemudahan yang membolehkan calon-calon yang dipanggil untuk menghadiri ujian dan temu duga dapat memilih mana-mana tarikh atau *slot* sesi ujian atau temu duga mengikut pilihan (*preference*) masing-masing secara dalam talian *online application* pada masa akan datang, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*;

6. Soalan berikut daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai projek-projek yang telah dilaksanakan projek-projek tertangguh, apakah projek-projek yang tertangguh? ke manakah peruntukan untuk projek-projek yang tertangguh itu disalurkan?

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas soalan berhubung dengan projek-projek RKN10 yang telah dilaksanakan dan tertangguh serta sebab-sebab ia tertangguh dan ke manakah peruntukan itu disalurkan?

Dalam RKN10 dari keseluruhan 568 projek, sebanyak 462 projek iaitu 81% telah siap dilaksanakan. Pencapaian pelaksanaan projek ini adalah jauh lebih baik berbanding pencapaian semasa RKN-RKN sebelumnya yang hanya merekodkan kadar penyiapan projek sekitar 35% sahaja. Antara projek yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh RKN10 seperti berikut:-

- i. Bagi meningkatkan pengetahuan dan inovasi termasuk pembinaan 4 sekolah rendah;
- ii. Pembinaan semula Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan;
- iii. Pembinaan 2 pusat tingkatan enam;
- iv. Pengubahsuaian dan penaik tarafan 3 institut tertinggi;

v. Menyedia dana sumber manusia; dan

pejabat-pejabat kerajaan di dalam dan di luar negeri;

vi. Projek-projek pendidikan.

iii. Skim-skim pementungan;

Projek-projek *ICT* yang boleh menyumbang kepada urus tadbir kerajaan yang efisien dan efektif dalam membantu peningkatan produktiviti juga telah dilaksanakan. Bagi mendukung inisiatif perindustrian negara, penyediaan beberapa tapak perindustrian seperti Tapak Perindustrian Serampang, Tapak Perindustrian Lambak Kanan Timur.

iv. Sekolah-sekolah; dan

v. Pembesaran dan pembinaan jalan-jalan raya.

Peruntukan bagi projek-projek bertanggung ini disalurkan ke Simpanan Gagasan RKN untuk membiayai projek-projek lain yang memerlukan dan berkeutamaan;

Tapak Perindustrian Salambigar dan Koridor Bioinovasi Brunei (*BIC*), terdapat beberapa projek yang bertanggung antara lainnya disebabkan oleh faktor seperti pengendalian projek-projek yang berskala besar yang tentunya memerlukan perancangan yang teliti serta cabaran dalam melaksanakan projek termasuk di pihak konsultan, kontraktor serta kapasiti jabatan pelaksana.

7. Soalan berikutnya daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai menyatukan pangkalan data melalui *smart card*. Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy. Mengenai cadangan bagi menyatukan informasi semua data yang berkaitan memang diakui pada masa ini terdapat banyak duplikasi dan data-data yang tidak teratur. Pada masa ini, perkongsian data antara agensi-agensi kerajaan sudah dilaksanakan tetapi ia masih di peringkat yang terhad.

Antara lain projek RKN yang bertanggung tetapi akan dibawa ke RKN11 seperti berikut:-

i. Projek Elektrik seperti pengawasan kawalan dan sistem-sistem dan jana kuasa dan kawat;

Bagi langkah seterusnya perancangan telah pun dibuat untuk melaksanakan satu inisiatif iaitu mengenal pasti data-data yang sama, *common data*, yang boleh dikongsi dalam kalangan agensi kerajaan yang berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan alamat. Melalui inisiatif ini, kerajaan akan dapat

ii. Kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan seperti tapak perindustrian industri, jalan-jalan raya dan bangunan-bangunan

menentukan data *standard* dan format bagi memudahkan agensi-agensi untuk berkongsi maklumat yang relevan.

Inisiatif yang dimaksudkan ialah projek *National Centralised Database* di bawah RKN11 yang akan memperkenalkan perkhidmatan *Database as a Service* sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang sedia ada iaitu *Infrastructure as a Service* dan ia akan diselenggarakan secara pusat. Manakala usaha untuk menggunakan kad pengenalan atau *smart chip* bagi kegunaan yang lain tertakluk kepada akta-akta yang berkaitan di kementerian-kementerian berkenaan; dan

8. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, mengenai Jabatan Adat Istiadat iaitu jemputan pegawai-pegawai Bahagian II dan III, untuk menghadiri majlis-majlis tertentu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput. Kaola mengambil baik saranan daripada Ahli Yang Berhormat untuk mengkaji atau disemak balik jemputan untuk memberi peluang serta laluan kepada pegawai-pegawai baharu yang berkeinginan menghadiri majlis-majlis beristiadat dan kenegaraan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jumlah jemputan berkuota yang dikeluarkan tertakluk kepada ketetapan pihak penganjur majlis yang berpandukan kepada

jenis-jenis majlis dan tempat majlis diadakan. Sementara pihak Jabatan Adat Istiadat Negara membantu menyelaras dari segi jumlah jemputan yang dikeluarkan termasuklah juga susunan kedudukan jemputan dan protokol.

Dalam perkara ini juga, dimaklumkan bahawa Setiausaha Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan akan sentiasa mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan kehadiran pegawai dan kakitangan kerajaan ke majlis-majlis yang diadakan.

Pada masa yang sama, Setiausaha Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan juga disarankan untuk memastikan jemputan berkuota diedarkan secara bergilir. Begitulah saja dulu, Yang Berhormat Pengerusi, jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan, manakala soalan-soalan yang menghendaki jawapan yang panjang lebar akan kaola berikan secara jawapan bertulis. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya kita berhenti dulu untuk berehat. Oleh yang demikian, saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang lagi di Peringkat Jawatankuasa. Kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan. Kita telah pun mendengar tadi sebelum kita berehat, penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan kenyataan tambahan terhadap Tajuk di bawah Jadual Jabatan Perdana Menteri.

Seperti yang saya maklumkan, walaupun Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah selesai kita luluskan disebabkan ada beberapa soalan yang perlu dijawab dalam Dewan ini maka sekarang saya ingin memberikan peluang kepada Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian untuk memberikan responsnya terhadap soalan-soalan yang belum sempat dijawabnya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dan juga Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis yang telah membangkitkan isu mengenai pembangunan koperasi. Soalnya ialah:-

1. Apakah kemajuan yang dicapai oleh koperasi di Brunei Darussalam sejak ia ditubuhkan sekitar tahun 1970an?

Gerakan Koperasi telah mula diperkenalkan secara rasminya pada 1 Ogos 1974 dengan pewartaan syarikat kerjasama yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 1975. Sekarang digelar *Cooperative Societies Act, Chapter 84*.

Terdapat 161 buah koperasi yang berdaftar dengan Pendaftar Koperasi-Koperasi sejak 1976. Koperasi-koperasi ini termasuklah 22 buah koperasi yang ditubuhkan di kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan dan 15 buah koperasi institusi pendidikan. Sebanyak 60 buah dari koperasi-koperasi ini dikategorikan sebagai aktif yang menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan, manakala 101 buah koperasi berstatus tidak aktif dan didapati tidak lagi beroperasi sehingga sekarang.

Bagi tahun 2017, pendapatan koperasi-koperasi secara keseluruhan sebanyak \$38 juta dan jumlah pekerja di koperasi sebanyak 1,264 orang, iaitu 80% terdiri daripada pekerja tempatan. Jumlah ahli koperasi pada masa kini sebanyak 33,143 orang;

2. Apakah ada perancangan pihak kementerian untuk menjadikan koperasi sebagai sumber pendapatan rakyat yang signifikan?

Peramba/kaola saya lebih dahulu ingin mengongsikan bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi oleh koperasi-koperasi di Negara Brunei Darussalam adalah tadbir urus yang kurang efisien dalam melaksanakan aktiviti koperasi, kurang kefahaman

tentang konsep dan prinsip koperasi, tidak mematuhi peruntukan perundangan di bawah *Cooperative Societies Act Chapter 84*, kurang komitmen dalam kalangan ahli dalam menyumbangkan modal dan juga kekurangan minat dalam kalangan belia.

Oleh itu, dengan mengambil kira perkara-perkara ini Perancangan dan Pelan Pembangunan Koperasi pada masa ini bertumpukan kepada 6 perkara yang ada hubung kaitnya dengan saranan dan soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai koperasi yang terlibat dalam aktiviti pusat edaran koperasi bersifat kebangsaan dan juga yang di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi dan menengah:-

- i. Mempromosikan gerakan koperasi;
- ii. Membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan;
- iii. Menggalakkan penglibatan belia dalam koperasi;
- iv. Menggalakkan para koperasi untuk menerokai bidang-bidang perniagaan yang berpotensi bagi pasaran dalam dan luar negeri;
- v. Meningkatkan pembangunan modal insan koperasi; dan

vi. Menguatkuasakan urus tadbir koperasi-koperasi agar lebih telus dan teratur.

2.1 Koperasi sebagai sumber pendapatan rakyat yang signifikan. Seterusnya dalam usaha-usaha untuk menggalakkan para koperasi untuk menerokai bidang-bidang perniagaan yang berpotensi bagi pasaran dalam dan luar negeri. Projek-projek yang sedang dipromosikan adalah projek madu kelulut dan akuakultur. Di samping itu juga terdapat perbincangan dengan syarikat-syarikat ejen pemasaran ke luar negara untuk pengeksportan ke luar negeri;

2.2 Pusat edaran dan koperasi pertanian. Dalam usaha ini juga, peluang-peluang untuk penubuhan satu pusat edaran pernah diuar-uarkan sejak tahun 2016 seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Jabatan ini menyambut baik cadangan Yang Berhormat dan akan terus berusaha untuk meningkatkan minat dalam kalangan koperasi dan rakyat tempatan dalam sektor ini.

Ia tidak terhad kepada industri peruncitan sahaja malah ia digalakkan untuk mengambil apa sahaja bentuk yang mendatangkan manfaat kepada orang ramai dalam bidang-

bidang keperluan seperti pemborong dan pembekal bagi para petani sehingga memudahkan bagi para petani seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis dalam ucapannya pada hari Selasa lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 9 buah koperasi kini aktif menjalankan aktiviti pertanian. Kebanyakan koperasi ini menyalahkan aktiviti pertanian di bawah program Kemajuan Pertanian Luar Bandar. Pembangunan koperasi dalam pelbagai bentuk amalah digalakkan untuk membantu pihak kerajaan bagi menjayakan bersama usaha-usaha dan matlamat-matlamat pertumbuhan ekonomi negara demi kesejahteraan orang ramai. Di samping itu, disarankan juga kepada para koperasi untuk mencari modal-modal yang inovatif dan bercita-cita tinggi; dan

2.3 Koperasi bersifat kebangsaan: Ini termasuk juga koperasi-koperasi berskala besar seperti Koperasi Kebangsaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, yang mampu berdaya tahan dan menjaga kepentingan orang ramai. Cadangan Yang Berhormat akan diteliti lagi dan peramba/kaola/saya juga ingin menekankan juga bahawa kejayaan koperasi itu juga bergantung pada kerjasama dan komitmen dan keupayaan ahli-ahli

koperasi itu sendiri dan semua pihak-pihak berkepentingan; dan

3. Apakah kita sudah mempunyai dasar koperasi kebangsaan. Seterusnya peramba/kaola/saya menyambut baik soalan Yang Berhormat mengenai garis panduan yang memajukan ekonomi melalui koperasi Dasar dan strategi bagi menggunakan koperasi bagi membangunkan sosioekonomi negara masih dalam penelitian.

Walau bagaimanapun ianya termasuk inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian seperti yang diterangkan sebentar tadi.

Soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai Pusat Pembangunan Kapasiti:

- i. Berkenaan dengan gaji-gaji penuntut-penuntut PPK \$800 sebulan dan hanya diterima \$400 sebulan. Seperti mana jua yang peramba/kaola/saya bentangkan pada sesi Mesyuarat Jawatankuasa pada 08 Mac 2018 setelah tamat latihan di Pusat Pembangunan Kapasiti, para pelatih akan diambil bekerja dengan syarat mereka lulus latihan serta mempunyai prestasi yang baik. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Projek Pulau Muara Besar ini membuka peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Dalam perkara

ini, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan mengambil berat terhadap kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di Pulau Muara Besar.

Sebaik sahaja mula bekerja, mereka akan menerima gaji bulanan dari pihak syarikat dan juga *top-up allowance* dari pihak kerajaan yang berdasarkan peringkat kelulusan mereka iaitu bagi pekerja lepasan PPK berkelulusan teknikal, vokasional dan ke bawah, syarikat akan memberikan gaji pokok sebanyak \$500 sebelum potongan caruman dan TAP sebanyak 5% dan SCP sebanyak 3.5%.

Setelah caruman tersebut, gaji bersih berjumlah dalam lingkungan \$450 yang tertakluk juga kepada rekod kedatangan dan kehadiran mereka. Jumlah ini konsisten seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Namun di samping itu pihak kerajaan juga memberikan *Top up* sebanyak \$300 bulan bagi tempoh 3 tahun mereka bekerja. Jumlah keseluruhannya dalam tempoh 3 tahun adalah kira-kira \$750. Manakala bagi pihak pekerja lepasan PPK yang mempunyai kelulusan *HND* ke atas. Pihak syarikat akan memberikan gaji pokok sebanyak \$800. Setelah caruman

TAP dan *SCP*, gaji bersih berjumlah sekitar \$730. Pihak kerajaan juga memberikan *top up* sebanyak \$500, jumlah keseluruhannya dalam tempoh 3 tahun kira-kira \$1,230.00.

Pihak Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensinya berkepentingan dalam memastikan bahawa peruntukan dan penerimaan gaji, elaun dan apa juga kemudahan yang diterima pekerja-pekerja lepasan PPK selaras dengan jumlah yang telah dijanjikan;

- ii. Menyentuh pula mengenai soalan Yang Berhormat berkaitan dengan status penuntut-penuntut lelaki yang diberikan tugas di Pulau Muara Besar yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sesuai dan sekarang masih lagi tidak berkerja hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kurang jelas bagi peramba/kaola/saya menjawabnya.

Walau bagaimanapun, peramba/kaola/saya juga ingin mengetengahkan bahawa pekerja-pekerja tempatan sama ada lulusan PPK atau tidak bolehlah membangkitkan secara langsung apa jua isu yang dihadapi secara spesifik kepada Pejabat Hal Ehwal Kebajikan Syarikat Hengyi serta talian-talian *hotline local business*

development di bawah Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Pasukan Polis Diraja Brunei, Syarikat Hengyi dan syarikat-syarikat Kontraktor Hengyi.

Di samping itu pegawai-pegawai Jabatan Tenaga dan Perindustrian juga berpejabat di Pulau Muara Besar jika pekerja tempatan ingin bersua muka secara langsung. Maklumat bagi saluran-saluran komunikasi ini juga telah dikongsikan dan diedarkan kepada semua pekerja tempatan yang bertugas di Pulau Muara Besar.

Justeru, peramba/kaola/saya sekali ingin lagi berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman kerana mengutarakan hal ini dan mempelawa Yang Berhormat dan mana-mana pihak yang berkenaan yang mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas untuk menghubungi pihak jabatan secara langsung mengenai perkembangan Pusat Pembangunan Kapasiti; dan

- iii. Soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed berkenaan penjimatan penggunaan tenaga elektrik melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya telah pun berhasil

menjimatkan tenaga elektrik. Soalan tersebut: "Adakah sudah dipantau setelah proses penjimatan?."

Untuk makluman Yang Berhormat, penutupan lampu jalan raya berselang-seli ini tidak melibatkan kawasan-kawasan strategik seperti simpang-simpang utama, selekoh tajam, simpang masjid, simpang sekolah, *fly over*, *round about* dan kawasan-kawasan lain yang boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya.

Melalui sesi muzakarah yang kerap dibuat bersama Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Perkhidmatan Elektrik boleh dan telah mengenal pasti lokasi-lokasi yang perlu dinyalakan dan perkara ini ada yang telah pun ditangani.

Dipohonkan kerjasama pihak Yang Berhormat, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, jika ada masalah lampu jalan yang difikirkan melibatkan keselamatan awam, maka pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik memohon supaya ia dilaporkan sesegeranya melalui saluran rasmi jabatan seperti yang lazimnya dipraktikkan sebelum ini.

Keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab kitani semua. Oleh yang demikian, dipohonkan juga bagi pengguna-

pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati semasa menggunakan jalan raya pada setiap masa, terutamanya pada waktu hujan.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan memantau isu ini, dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** setakat ini belum ada masalah serius yang timbul daripadanya. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Elektrik menyambut baik apa jua cadangan pembaikan bagi kesejahteraan orang ramai.

Setakat itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola kongsi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian atas kenyataan-kenyataan bagi menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita terus berpindah ke Tajuk Jadual seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Jadual seterusnya Tajuk Kementerian Pertahanan bagi Tajuk SB01A - Kementerian Pertahanan dan Tajuk SB04A - Jabatan Menteri Pertahanan dan Jabatanarah Perancangan Strategik.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita berpindah ke Jadual Kementerian Pertahanan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah kita maklumi

bahawa pada kebiasaannya Tajuk Belanjawan Kementerian Pertahanan ini tidak dibincangkan memandangkan Tajuk ini berkait rapat dengan hal-ehwal strategi keselamatan negara, iaitu isu-isu dan perkara-perkara di dalamnya sensitif dan sangat tidak sesuai untuk dibincangkan dalam majlis yang terbuka ini.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II untuk menyampaikan mukadimahnyanya dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Pertahanan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah.

Lebih dahulu peramba/kaola/saya bagi pihak Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dengan penuh hormat dan takzimnya sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas kurnia

cadangan bagi Tahun Kewangan 2018/2019, untuk meneruskan misi bagi mempertahankan, kedaulatan, keamanan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

إِن شَاءَ اللَّهُ bagi Tahun Kewangan 2018/2019 cadangan peruntukan untuk Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di dalamnya adalah sebanyak \$492,754,700.00. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak \$56,319,550.00, atau lebih kurang 12.9% kepada peruntukan yang telah diluluskan pada Tahun Kewangan yang lalu.

Dengan peruntukan ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Kementerian Pertahanan akan terus berusaha dengan gigih dengan memberikan fokus kepada penggunaan peruntukan mengikut keperluan dan keutamaan ke arah pencapaian sasaran-sasaran kemajuan pertahanan.

Berkat kepimpinan bijaksana lagi berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Selaku Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, khususnya melalui titah-titah dan keberangkatan baginda ke Kementerian Pertahanan serta lawatan baginda ke Unit-Unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, terus menjadi panduan bagi hala tuju rancangan

perkembangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Pada masa yang sama Kementerian Pertahanan dan ABDB juga menggunakan beberapa dokumen seperti Kertas Putih Pertahanan, Pelan Perancangan Strategik dan Garis Panduan Strategik Pertahanan Tahunan sebagai panduan dalam mencapai visi dan melaksanakan misi pertahanan dengan lebih berkesan.

Outcome Strategik Utama Pertahanan adalah kedaulatan negara yang kekal utuh, kukuh dan keselamatan serta kestabilan negara yang mapan. Negara dan rakyat mendapat perlindungan keselamatan dengan kewujudan ketumbukan tentera yang *credible* dilengkapi peralatan, prasarana dukungan dan anggota-anggota terlatih, cekap dan siaga. Ini *precondition* utama bagi memastikan kemajuan politik, ekonomi dan agenda pembangunan negara berjalan lancar serta kemakmuran negara dikecapi secara menyeluruh dan berpanjangan. Oleh itu, pertahanan negara sesuatu yang tidak boleh dikompromi. Ke arah ini *Stakeholders Values* ataupun *Key Results Areas* bagi pertahanan-pertahanan adalah:-

1. Integriti wilayah yang kukuh. Integriti wilayah yang kukuh bebas daripada pencerobohan anasir-anasir ancaman *conventional*. Ini dicapai dengan pelaksanaan rondaan serta pemantauan perbatasan dan sempadan daratan, maritim dan udara dengan kerap dan rapi;

2. Tahap keupayaan tempur dan kesiagaan yang tinggi. Tahap keupayaan tempur dan kesiagaan ABDB yang tinggi bagi mewujudkan impak cegah rintang atau *deterrent* ataupun respons secara efektif kepada sebarang ancaman keselamatan yang boleh menjejaskan kepentingan dan kestabilan negara serta kualiti hidup rakyat yang boleh menjejaskan kepentingan dan kestabilan negara serta kualiti hidup rakyat. Ini dicapai dengan pelaksanaan, latihan yang mantap serta peralatan aset dan infrastruktur yang memenuhi keperluan pertahanan semasa;
3. Mendukung pendekatan *Whole of Nations*. Koordinasi yang berkesan dengan agensi-agensi keselamatan dan pihak-pihak berkuasa kerajaan yang lain dalam memastikan keselamatan negara dan pemeliharaan ketenteraman awam dilaksanakan dengan cara *whole of nations approach* yang ditanai oleh semua pihak yang berkepentingan.

Pendekatan ini akan melihat Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bekerjasama rapat dengan kementerian dan agensi-agensi kerajaan termasuk institusi-institusi kepimpinan akar umbi orang-orang awam dan jika perlu pihak-pihak sektor swasta. Selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Keselamatan Negara dicapai dengan penglibatan dalam Jawatankuasa Keselamatan

Negara (JKN) dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya termasuk sumbangan kepakaran khusus dan keupayaan aset operasi berbilang agensi;

4. Diplomasi pertahanan yang efektif. Tahap hubungan pertahanan dan ketenteraan yang baik dengan negara luar meningkatkan kefahaman, keyakinan, ketelusan dan keterbukaan sesama pihak seterusnya mewujudkan rasa saling percaya (*mutual trust*) dan saling menghormati (*mutual respect*) ulangannya adalah penghindaran konflik daripada tercetus dan jaminan bahawa sebarang ketidakfahaman atau kepentingan berbeza akan ditangani dengan cara aman.

Ini dicapai melalui kegiatan-kegiatan dan diplomasi pertahanan termasuk menjalin kerjasama melalui memorandum persefahaman, perjanjian dalam bidang pertahanan dan interaksi-interaksi latihan ketenteraan, pertukaran lawatan dan sebagainya baik secara dua hala mahupun pelbagai hala.

Usaha-usaha diplomasi pertahanan juga secara langsung memberikan faedah-faedah tambah nilai kepada pembangunan kapasiti dan keupayaan Kementerian Pertahanan dan ABDB melalui kegiatan-kegiatan kerjasama yang dilaksanakan termasuk bantuan latihan pertukaran maklumat dan perkongsian amalan-amalan terbaik (*best practices*).

Penglibatan aktif Kementerian Pertahanan dalam kegiatan-kegiatan di bawah rangka kerja Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN, Defence Ministers Meeting (ADMM) atau ADMM Plus* telah melonjakkan imej dan peranan negara sebagai salah satu *significant players* dalam mengekalkan kestabilan serantau dan antarabangsa.

Antara sumbangan signifikan termasuk peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi *ADMM Plus Expert Working Group* atau *EWG On Maritime Security* semasa persekitaran tahun 2014 hingga 2017 menghoskan di Negara Brunei Darussalam dua latihan besar iaitu *ADMM Plus, HADR, Maritime Security Exercise* pada tahun 2013 dan *ADMM Plus Maritime Security Counter Terrorism Exercise* pada tahun 2016 dan menjadi peneraju atau *champion* kepada inisiatif penubuhan *ASEAN Direct Communications Infrastructure (IDI)* antara Menteri-Menteri Pertahanan *ASEAN*;

5. Penglibatan ketenteraan dalam misi-misi antarabangsa. Tahap kemampuan yang *credible* untuk melaksanakan semua misi dan operasi bukan perang (*Military Operations Other than War*) dalam mendukung agenda negara di peringkat antarabangsa dan komitmen negara dalam mengekalkan kestabilan dan keamanan sejagat.

Ini termasuk penglibatan dalam misi pemantau, operasi pengamanan dan bantuan operasi kemanusiaan dan bencana alam di luar negara. Ini dicapai dengan meningkatkan kepakaran anggota melalui latihan disertakan dengan keupayaan dan peralatan kepakaran khas yang berkaitan.

Latihan dan tentera operasi bersama dua hala dan pelbagai hala yang dilaksanakan di bawah rangka kerja diplomasi selain meningkatkan hubungan kerjasama akan juga secara *significant* menghasilkan koordinasi dan *interoperability* dalam menangani ancaman-ancaman yang dihadapi bersama.

Pada era globalisasi dan *interdependence* ini setentunya keamanan keselamatan negara bergantung rapat kepada persekitaran rantau dan antarabangsa yang stabil dan selamat. Dalam konteks ini penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam pasukan pemantau antarabangsa atau *International Monitoring Team (IMT)* dalam rangka kerja proses damai di Mindanao, Selatan Filipina sejak tahun 2004, *Acheh Monitoring Mission (AMM)* pada tahun 2005 dan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan, (UNIFIL) sejak tahun 2008 menggambarkan komitmen ini.

Begitu juga penempatan para pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai *International Legend Officer The Information Fusion Centre* dan *Regional Humanitarian Assistance Disaster Relief Coordination Centre*, di Singapura, bermula tahun 2013 dan 2015;

6. Sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi. Mempunyai modal ihsan yang *professional* takwa dan setia dan berani yang berteraskan nilai-nilai Melayu Islam Beraja serta berpengetahuan terlatih, kreatif dan inovatif mampu menghadapi pelbagai bentuk ancaman dan gejala-gejala negatif termasuk kemampuan untuk mengendalikan peralatan *sophisticated* dan berteknologi tinggi. Pelancaran Skim Biasiswa Kementerian Pertahanan melalui Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Biasiswa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Penubuhan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanali Bolkiah (SHHBIDSS), Akademi Pertahanan ABDB, Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi dan peningkatan profil Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah antara langkah-langkah yang mengoptimalkan keupayaan Sumber Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan. Usaha-usaha ini seterusnya melahirkan warga kerja secara keseluruhan

yang *divertive* serta *productive* yang akan secara signifikan menyumbang kepada matlamat kemajuan negara dan juga pencapaian Wawasan Negara 2035; dan

Imej pertahanan yang berwibawa dan *credible* mengekalkan imej sebagai sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa dan *credible* terus dipandang tinggi dan mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam melaksanakan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.

Penglibatan dan peranan Kementerian Pertahanan di arena antarabangsa selain menggambarkan komitmen negara ianya juga meningkatkan profil ABDB di mata dunia sebagai Angkatan Tentera yang *credible*, *professional*, cekap dan berkemampuan dan ini turut menyumbang kepada efek cegah rentang yang dihasratkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli yang sehingga kini, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan kurnia rahmat dan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kegiatan-kegiatan pertahanan telah berjaya

memastikan negara bebas daripada ancaman konvensional.

Justeru, Kementerian Pertahanan akan terus menyasarkan pelaksanaan program-program peningkatan dan penambahbaikan kapasiti ke arah memperkasakan keupayaan sejajar dengan pencapaian *key result areas* dan *outcomes strategic* yang disebutkan tadi. Aspek pengurusan strategi dan prestasi akan terus diberi keutamaan dalam memantau pelaksanaan strategi dan pencapaian sasaran dengan menggunakan kaedah Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau (*KPI's*) yang tertentu.

Ini termasuk secara berterusan melaksanakan reviu bagi memastikan strategi, organisasi akan terus mantap dan responsif kepada perkembangan-perkembangan di persekitaran dan lanskap strategik yang berubah-ubah. Perangkaan dan pelaksanaan strategi juga akan terus mengambil kira agenda dan *trans-national* ke arah pengurusan cekap dan bijak. Ini termasuk juga pengurusan kewangan yang rapi, memanfaatkan teknologi maklumat dan pengurusan bijak alam sekitar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menutup mukadimah ini, kaola ingin menyatakan bahawa pertahanan negara tanggungjawab bersama. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga dan semua yang hadir dalam Dewan ini juga berperanan mengenainya. Saranan dan informasi awal tadi Peruntukan Kewangan Kementerian Pertahanan

tidak akan dibahaskan secara terbuka memandangkan ia boleh mendedahkan isu-isu keselamatan dan pertahanan strategik negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan II atas kenyataan yang begitu komprehensif mengenai Belanjawan Kementeriannya. Maka, saya sekarang ingin mencadangkan supaya Tajuk Kementerian Pertahanan ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Belanjawan Kementerian Pertahanan ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Kementerian Pertahanan iaitu Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kementerian Pertahanan bagi Tajuk - SB01A dan Tajuk - SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dahulu kita berbincang pada pagi ini mengenai Jadual di Peringkat Jawatankuasa, maka ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita

tangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan bagi membolehkan kita berehat dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan menyambung semula persidangan kita pada petang nanti pukul 2.30 petang. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)